

05/05/2002

'Kelantan lebih penting daripada jawatan saya'

Azman Mahmood

BEBERAPA minggu lalu, Umno Kelantan digemparkan dengan pertemuan 12 daripada 14 bahagian negeri itu, kononnya mahu menukarkan kepemimpinan Badan Perhubungan Umno Kelantan berikutan Pengerusinya, Datuk Mustapa Mohamed dikatakan tidak mampu berhadapan dengan Pas menjelang pilihan raya akan datang.

Bagaimanapun, isu itu dikatakan tidak berbangkit lagi hasil mesyuarat perwakilan 14 bahagian Umno di Kelantan pada 5 hingga 20 April lalu yang memperakui sokongan penuh termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita terhadap kepemimpinan Mustapa supaya terus menerajui Badan Perhubungan Umno Kelantan. Ikuti temu bual wartawan Berita Minggu, AZMAN MAHMOOD bersama Mustapa selepas beliau mengumumkan peletakan jawatan Ketua Penerangan Umno pada 12 April lalu dan membuat sedikit rombakan pada Bahagian Perhubungan Umno negeri itu.

DATUK kini melepaskan jawatan Ketua Penerangan iaitu antara jawatan tertinggi dalam Umno Pusat. Jadi, apakah tujuan sebenar keputusan ini diambil, sama ada untuk mengukuhkan Umno Kelantan atau wujud tekanan dari dalam Umno sendiri?

Hasrat ahli-ahli Umno Kelantan ialah supaya Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berada dan memberi tumpuan kepada parti lebih lama di Kelantan. Sebelum ini, saya berada di Kelantan dua hari seminggu.

Oleh itu, hasil daripada desakan supaya saya berada di Kelantan lebih lama, maka saya membuat keputusan untuk berada di Kelantan tiga hari seminggu. Dengan itu saya dapat meninjau keadaan di bahagian-bahagian untuk memberi perhatian lebih khusus kepada Kelantan.

Dengan tinjauan, pertemuan dan perjumpaan lebih kerap saya dapat bertemu dengan peringkat akar umbi. Kita akan mulakan bulan ini dan merangka perancangan supaya dapat dijalankan gerakan dengan lebih tersusun lagi. Sekarang baru bermula. Saya akan umumkan program yang saya aturkan untuk berkunjung ke bahagian-bahagian.

Ada sesetengah ahli Umno di Kelantan menyifatkan peletakan jawatan Datuk (Ketua Penerangan Umno) sebagai merugikan?

Jawatan tidak penting. Yang penting berkhidmat dengan ikhlas kepada parti. Jadi, itu pendirian saya. Yang kedua oleh kerana Kelantan lebih penting daripada jawatan Ketua Penerangan, maka kita rasa ia bukan satu kerugian. Malah, kalau kena cara, ia boleh dijadikan satu kelebihan kepada kita. Kalau kita kuat di Kelantan, sudah pasti Pas akan tergugat di seluruh negara kerana di sinilah (Kelantan) lubuknya. Jadi, kalau kita kerja kuat dan berjaya meningkatkan sokongan rakyat kepada Umno di Kelantan, dengan sendirinya Umno akan kuat dan gerakan penerangan akan bergerak dengan sendirinya. Jadi, di Kelantan kita harap berjaya untuk membawa arus perubahan dan menukar kerajaan pada pilihan raya umum akan datang.

Sejauh mana Datuk melihat komitmen semua ketua bahagian berusaha mengukuhkan Umno atau apakah ada yang dilihat kurang memuaskan?

Peristiwa kononnya ada perjumpaan untuk menjatuhkan saya tidak berbangkit dan tidak perlu diungkit lagi. Peristiwa itu sudah berlalu dan kita sudah memberi beberapa penjelasan. Sekarang kita perlu lihat ke depan dan apa yang berlaku ini sebagai satu hikmah dan pengajaran kepada kita. Dah habis... tak ada lagi cerita lama. Saya harap semua orang tutup buku cerita lama, sekarang cerita baru dan kita buka lembaran baru. Buku baru, kita bekerja untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang pada 2004 dan

sekarang masa untuk bekerja. Namun, saya mengakui ada beberapa perkara yang perlu diperbetulkan (dalam Badan Perhubungan Umno negeri) dan dengan tercetusnya peristiwa ini, ia memberi inspirasi kepada kita untuk mengambil tindakan lebih segera. Kita sudah tahu masalah ini. Tetapi dalam hal ini saya lebih suka melihat dari sudut positif kerana tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan.

Apakah dengan peletakan jawatan sebagai Ketua Penerangan yang dilihat kedudukan amat penting di peringkat Pusat boleh menjejaskan atau terputus saluran dengan Umno Pusat terutama bagi menyelesaikan perkara berbangkit di Kelantan?

Tidak terputus. Kita ada tiga Ahli Majlis (MT) Umno iaitu saya, Datuk Annuar Musa dan Datuk Hassan Harun dan mesyuarat MT diadakan setiap bulan. Cuma selepas ini saya perlu memainkan peranan lebih aktif dalam MT. Kalau sebelum ini saya memainkan peranan aktif dalam Jawatankuasa Pengurusan Umno Pusat dan banyak memberi fikiran, tetapi, sekarang saya perlu lebih cergas dalam setiap perbincangan dalam MT. Jadi, tidak terputus saluran dengan Umno Pusat dan kita ada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed; Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sentiasa memberi ruang kepada kita untuk berbincang.

Jadi, kita boleh sampaikan maklumat dari semasa ke semasa. Saya rasa tidak ada apa-apa kesan kepada usaha kita untuk menyampaikan pandangan berkaitan Umno dan perkara membabitkan hasrat rakyat Kelantan.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, ketika dalam temu bual dengan wartawan Berita Minggu baru-baru ini menyatakan beliau akan lebih aktif untuk menggerakkan jentera Umno dan mahu berada secara sepenuh masa di Kelantan. Jadi, apakah ini akan memberi satu senario baru dalam gabungan antara Datuk dengan Annuar bagi memantapkan parti termasuk memberi fokus lebih kepada gerakan Umno di Kelantan?

Kita perlu menggabungkan segala tenaga yang ada. Kita ada pemimpin hebat-hebat di Kelantan yang lebih ramai berbanding negeri lain. Maka tokoh-tokoh ini yang berkebolehan hendaklah digunakan sebaik mungkin.

Kita ada Ku Li (Tengku Razaleigh Hamzah, Ketua Umno bahagian Gua Musang), Datuk Annuar (Peringat), Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas), Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor (Bachok) dan mereka ini antara tokoh veteran yang berpengalaman dalam politik Kelantan.

Jadi, strategi kita ialah untuk turut menggembelngkan segala tenaga (veteran) ini dan saya perlukan bantuan untuk menjayakan strategi Umno di Kelantan. Memang tak boleh saya bekerja seorang diri. Saya perlukan bantuan semua pihak khususnya daripada ketua-ketua bahagian lain. Bagaimana dengan keyakinan Annuar bahawa Umno boleh menawan semula Kelantan pada pilihan raya umum akan datang?

Memang senario sudah berubah dan dalam politik kita harus ada keyakinan. Tetapi, kali ini keyakinan (senario perubahan politik) ini, saya rasa berasas. Ini kerana semakin ramai penyokong dan ahli Pas, ahli Parti Keadilan Nasional (Keadilan) termasuk bekas ahli Umno yang mulai kembali kepada Umno berikutan timbul rasa ragu dan bosan dengan sikap pemimpin mereka yang gagal membawa perubahan di Kelantan sejak kebelakangan ini.

Malah, kita diberitahu beberapa cawangan Pas dalam Parlimen Pengkalan Chepa yang menjadi kubu Pas paling kuat di Kelantan, ahli-ahlinya dikatakan mahu membubarkan cawangan terbabit. Jadi, senario berubah ini ada asasnya.

Jadi, kalau kita gembelngkan seluruh tenaga Umno veteran dan baru, kalau kita bekerjasama sepenuhnya terhadap segala tindakan yang kita diambil, sudah pasti kita mampu membawa perubahan di Kelantan kali ini.

Bagaimana cara untuk menyelaraskan dua pendekatan berbeza iaitu sesetengah pemimpin Umno di Kelantan yang condong kepada menggunakan pendekatan

radikal untuk berdepan dengan Pas sedangkan pada masa sama Datuk secara sederhana, dalam menggerakkan strategi politik Umno di Kelantan?

Kita memahami antara satu sama lain. Kita semua tahu kelemahan dan kekuatan kita. Kita ada 14 ketua bahagian dan tahu siapa yang boleh buat kerja, kita ada kebolehan masing-masing. Cuma, nak cari kaedah bagaimana boleh kita cantumkan segala kekuatan ini untuk membawa kejayaan yang lebih besar. Jadi, ini memerlukan pengurusan yang baik serta cekap dan ia bukan satu perkara senang. Tapi, kalau kita berjaya menggembelngkan semua tenaga dan tokoh-tokoh Umno yang ada di Kelantan ini yang pelbagai kaedah sudah pasti ia dapat memberi manfaat besar kepada ahli dan parti. Dalam keadaan tertentu ada kaedah tertentu yang lebih baik sesuai dan dalam keadaan lain, keadaan lain pula yang sesuai. Jadi, itu (penggunaan pendekatan) bergantung kepada kebijaksanaan kita.

Kalau kita bijak menggembelng tenaga ini, insya-Allah kita akan dapat memaksimum gerakan jentera dan strategi parti. Kita akan usaha dan saya yakin dapat menggembelng segala tenaga, ketokohan dan kewibawaan seluruh pemimpin Umno yang ada di Kelantan untuk disatukan bagi mencapai kejayaan di negeri ini.

Sejauh mana Umno Kelantan mengambil peluang berikutan wujud perubahan sikap rakyat yang dikatakan semakin minat mendekati Umno?

Kita ada pelbagai pendekatan yang membabitkan peringkat akar umbi, program berbentuk keagamaan, usrah, ziarah yang saya rasa lebih hebat sedang berjalan sekarang kalau dibandingkan sebelum ini.

Saya sendiri di bahagian Jeli umpamanya ada pendekatan yang kita ambil ini. Jadi, pada saya itu satu pendekatan yang harus diteruskan kerana kekuatan sebenar berada pada peringkat grass root dan pada masa sama, sekali sekala mengikut kesesuaian masa, kita adakan program parti secara besar-besaran yang bertujuan meningkatkan semangat kepada ahli parti.

Dalam parti memberi perhatian pada peringkat akar umbi sepanjang masa amat penting tetapi kita juga perlu mengambil kira menggempur isu tertentu untuk dijelas dan diterangkan kepada rakyat menerusi program besar-besaran yang dapat memberi semangat kepada ahli Umno.

Jadi, kalau kita dapat gabungkan semua pendekatan ini seperti pendekatan berdamping dengan rakyat di akar umbi, program parti secara kecil-kecilan, ziarah menziarah di samping kegiatan penerangan dan program parti besar-besaran seperti ceramah dan pidato perdana kita adakan sekali sekala maka ini mampu untuk membawa perubahan yang lebih meyakinkan rakyat dan Umno di Kelantan.

(END)